

06/02/2003

Karyawan mahu dapatkan 100,000 tandatangan peminat seni

PETALING JAYA: Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) mensasarkan 100,000 tanda tangan peminat seni tanah air dalam usaha menyokong Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia anjuran Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia).

Pengerusi Kehormat Karyawan, Zaienal Abidin Omar, berkata pihaknya akan memastikan artis sebagai idola ramai dapat membantu mendapatkan sebanyak mungkin tandatangan bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan.

"Selain prihatin terhadap kesengsaraan dan keperitan serta kekurangan insan lain, golongan artis juga harus sentiasa peka dengan pergolakan hebat yang melanda dunia masa kini," katanya pada majlis menyambut kepulangan pasangan kembar Ahmad dan Muhammad Rosli, 5, di Hotel Eastin, di sini, semalam.

"Ini salah satu cara artis kita menentang sebarang bentuk ledakan, keganasan dan peperangan, khususnya yang bersifat kemusnahan secara besar-besaran tanpa sebab yang boleh dianggap wajar oleh masyarakat global," katanya.

Terdahulu majlis turut menyaksikan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) yang diwakili Pengurus Kanan Perkhidmatan Pemasaran, Datuk Abdul Razak Dawood menghulurkan sumbangan RM3,000 kepada pasangan kembar Ahmad dan Muhammad.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Sementara itu dalam isu berkaitan, pihak pengurusan Perbadanan Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam, turut menyatakan komitmen mereka untuk menjayakan Perhimpunan Konsert Keamanan Aman Malaysia pada 23 Februari ini dengan membenarkan perhimpunan aman itu diadakan di premis itu.

Penyelaras Kumpulan Aman Malaysia, Zulkifli Alwi, berkata persetujuan itu dinyatakan pada mesyuarat dan sesi taklimat Aman Malaysia kepada pihak pengurusan Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, petang semalam.

Beliau berkata, perhimpunan secara aman yang dijadualkan sempena Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) dari 20 hingga 25 Februari ini akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jumlah penyertaan dalam perhimpunan aman itu adalah yang terbesar pernah dibuat dalam siri antipeperangan dalam isu serangan Amerika terhadap Iraq dan pembebasan rakyat Palestin.

Di IPOH, Gerakan Belia 4B Malaysia mensasarkan sejumlah sejuta tandatangan dikumpulkan sempena Kempen Aman Malaysia menerusi 145 bahagiannya di seluruh negara.

Setiausaha Agungnya, Datuk Jamaludin Abdul Rahim, berkata jumlah itu tidak mustahil dicapai berikutan gerakan itu mempunyai kira-kira 300,000 ahli yang bernaung di bawah 3,092 cawangan.

"Di Perak saja, kita mempunyai 23 cawangan yang aktif menggerakkan kempen mengumpulkan tandatangan sempena menyokong kempen untuk menyahut seruan terhadap keamanan seluruh dunia.

"Tujuan utama kempen ini untuk memupuk kesedaran tinggi di kalangan orang ramai mengenai keamanan sejagat dan perlunya usaha menghentikan peperangan secara bersepadu dan berkesan.

"Gerakan Belia 4B mensasarkan sejumlah 5,000 tandatangan dikumpulkan di setiap bahagian menerusi kempen berterusan yang diadakan sehingga 15 Februari ini," katanya.